

MODUL

BAHASA MELAYU

TAHUN 5

UNIT 25 INSAN

BERKETERAMPILAN

NAMA : _____

KELAS : _____

UNIT 25 INSAN BERKETERAMPILAN

Ketekunan dalam Pimpinan

(menyatakan pendapat)



Afifi mendengar taklimat yang disampaikan oleh jurulatih. Jurulatih meminta semua ketua kumpulan memastikan khemah dipasang dalam tempoh yang diberikan.



Afifi dan ahli kumpulannya memasang khemah bersama-sama. Walaupun dalam hujan renyai, _____

Terima kasih,
Afifi, kerana sudi
berkongsi ilmu
dengan kami.

3



Anugerah Kadet Terbaik bagi perkhemahan kali ini disandang oleh kadet Afifi bin Nazri. Syabas!

4



Pemimpin Cilik

(menyalin karangan)

Razi mula dilantik sebagai pengawas semasa tahun lima. Apabila memasuki tahun Renam, dia terpilih sebagai ketua pengawas di sekolahnya. Semenjak itu, sikapnya kian berubah. Razi sedar akan tanggungjawabnya yang lebih besar.

Pada setiap pagi, Razi akan membantu guru bertugas di pintu pagar sekolah.

"Rakan-rakan, lekas. Loceng akan berbunyi sebentar lagi," arah Razi kepada murid-murid yang baru tiba di sekolah.

Apabila loceng telah berbunyi, Razi segera mencatat nama murid yang lewat.

"Razi, kita perlu sentiasa rasional dan tidak pilih kasih semasa menjalankan tugas," imbas kembali Razi akan pesanan Cikgu Zainal semasa dia baru dilantik dahulu.

Selesai mencatat nama, Razi menasihati murid-murid itu agar berubah. Razi sedar nasihat juga dapat membantu seseorang menjadi lebih baik.

"Amir, Nurul, sebagai pengawas, kita perlulah memberikan nasihat dengan bahasa yang sopan kepada murid-murid lain," pesan Razi kepada pengawas lain yang berada di situ.

Apabila pintu pagar telah ditutup, Razi terus masuk ke kelas. Dia yakin disiplin asas utama kecermerlangan seseorang. Amanah yang dipikulnya sekarang menjadi sokongan moral untuk dia berjaya dalam bidang kurikulum dan akademik.

Sambil memegang risalah tentang tanggungjawab ketua pengawas, Razi meneliti setiap ciri tersebut sebagai panduannya menjadi murid yang berketerampilan.




Seorang pemimpin yang baik perlulah menjaga sikap kerana dia akan menjadi suri teladan kepada semua orang. Dia juga perlu _____

Anugerah yang Bernilai

Mengubah suai seni kata lagu

Afifi ingin menghasilkan karangan bagi menyertai pertandingan sempena Minggu Bimbingan dan Kaunseling SK Seri Damai. Dia ingin menulis sebuah kisah yang dapat membangkitkan semangat murid untuk menimba ilmu.



Nisa seorang murid pintar yang berumur tujuh tahun. Dia mempunyai ibu bapa yang cacat pelihatan. Walaupun ibu bapanya dilahirkan sebagai insan istimewa, Nisa amat menyayangi mereka _____

Afifi bangga kerana penulisan kisah itu telah dipilih sebagai pemenang. Afifi ingin mengutus surat untuk berkongsi coretan kisah itu kepada temannya, Jason.

Afifi bin Nazri,
12, Jalan Harmoni,
Taman Seri Damai,
81200 Johor Bahru,
Johor.
12 September 2000

Menemui sahabatku, Jason, di Kota Kinabalu, Sabah. Saya berharap semoga saudara dan keluarga dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudara



Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan sebuah kisah seorang murid di sekolah saya yang bernama Nisa. Kisahnya telah saya nukilkan dalam penulisan saya. Penulisan itu membolehkan saya dipilih sebagai pemenang dalam pertandingan di sekolah.

Untuk pengetahuan saudara, Nisa seorang murid pintar yang berumur tujuh tahun _____

Setakat ini sahaja yang dapat saya coretkan buat kali ini. Akhir kata, saya berharap agar kita dapat bertemu lagi dalam coretan akan datang. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu
Afifi

Hormati Sesama Kita
Mengacam huruf jawi



Tanggungjawab Warga Sekolah

